

## **Pengaruh Personaliti Terhadap Kecerdasan Emosi Pelajar Luar Bandar di Sabah**

### **ABSTRACT**

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti pengaruh trait personaliti terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar luar bandar di Sabah. Kajian ini melibatkan 440 orang pelajar. Pelajar yang terlibat adalah berumur 13 hingga 18 tahun. Social Emotional Assets and Resilient Scales (SEARS) dan Big Five Inventory digunakan bagi mengukur kecerdasan emosi dan personaliti pelajar. Keputusan menunjukkan empat personaliti iaitu extraversion ( $\beta = .169$ ,  $k < .05$ ), agreeableness ( $\beta = .352$ ,  $k < .05$ ), openness to experience ( $\beta = .361$ ,  $k < .05$ ) dan conscientiousness ( $\beta = .297$ ,  $k < .05$ ) mempengaruhi kecerdasan emosi secara positif. Keputusan ini juga menunjukkan neurocitism ( $\beta = -.019$ ,  $k > .05$ ) tidak mempengaruhi kecerdasan emosi pelajar luar bandar. Selain itu, ujian t-test mendapati terdapat perbezaan neurocitism ( $t(438) = -4.532$ ,  $k < .05$ ) antara pelajar lelaki dan perempuan. Pelajar lelaki ( $M = 31.76$ ) didapati lebih dominan dalam trait neurocitism berbanding pelajar perempuan ( $M = 28.54$ ). Kajian ini menyediakan maklumat pada pelbagai pihak terutamanya pelajar, ibubapa, guru-guru, penyelidik mahupun pihak berwajib tentang pengaruh personaliti terhadap kecerdasan emosi pelajar luar bandar.